

PENOLONG PENGURUS DAERAH



TUGAS & TANGGUNGJAWAB:

- Memantau dan menyelia pelan operasi (teknikal & bisnes) Daerah setiap masa selari dengan perancangan yang telah dimuktamadkan oleh Pengurus Daerah dan SATU serta menyediakan pelaporan setiap hari.
- Mengemaskini kemajuan program yang dilaksanakan oleh unit di Daerah mengikut tempoh yang telah ditetapkan.
- Mengawal dan menyusun atur kerja supaya KPI Daerah dapat dicapai.
- Menjadi wakil kepada Pengurus Daerah untuk perbincangan atau menghadiri mesyuarat apabila Pengurus Daerah berada di luar kawasan.
- Memantau dan menyelia hasil Daerah setiap hari mengikut perancangan Pengurus Daerah.
- Memantau kerja-kerja pengurangan NRW mengikut perancangan Pengurus Daerah.
- Membuat pra semakan ulasan pelan bagi setiap projek baharu.
- Menyediakan ulasan untuk kebenaran merancang di peringkat Daerah.
- Menyediakan ulasan atau komen bagi One Stop Centre (OSC) bagi setiap pembangunan baharu pada setiap bulan.
- Memantau kerja-kerja pemasangan paip baru atau pengalihan mengikut Spesifikasi Lukisan Pembinaan serta spesifikasi yang telah ditetapkan oleh SATU.
- Membuat semakan dan menyelia Ujian Tekanan ke atas paip-paip yang baru dipasang.
- Menguruskan bayaran-bayaran yang melibatkan projek seperti caj pemotongan Tee, caj Hot-Tapping, caj kehilangan air dan lain-lain.
- Menghadiri Mesyuarat OSC.
- Membuat anggaran kos ataupun Bill of Quantity bagi setiap penyediaan kos untuk pemasangan paip baru dan pengalihan paip.
- Menyediakan kertas kerja bagi sesuatu projek.

Syarat Kelayakan :

1. Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam atau setaraf dengannya;
2. Mempunyai pengalaman berkaitan agihan bekalan air sekurang-kurangnya 5 tahun
3. Berpengetahuan luas dalam pelbagai skop kerja agihan bekalan air dan setara dengannya
4. Kemahiran dalam berkomunikasi dan penulisan;
5. Mestilah mampu bekerja berseorangan dengan penyeliaan yang minimum;
6. Berkemahiran dalam penyeliaan, perancangan dan penganalisan.

Calon-calon berminat boleh mengemukakan permohonan dan email kepada career@satuwater.com.my **tidak lewat daripada 07hb Julai 2026** dan lampirkan bersama CV/resume yang menyatakan gaji terkini dan gaji yang dijangka, gambar berukuran passport, salinan kad pengenalan dan sijil kelulusan akademik / berkaitan. Hanya calon yang disenarai pendek akan dihubungi.